



Usul t-kasih kpd Datuk Hussein dilulus

Mahathir dan Hj. Othman terima bintang belia 3B

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perhimpunan Agung UMNO hari ini sebulat suara meluluskan usul ucapan terima kasih dan tahniah kepada Presiden, Datuk Hussein Onn, atas kejayaannya terhadap parti dan negara setelah dibahaskan dengan hangat.

Beberapa orang perwakilan mendesak UMNO jangan bertolak ansur dengan lain-lain parti komponen BN dalam apa juga tindakan terutama mengenai bidang ekonomi dan pelajaran.

Wakil Perlia, Tengku Aziz bin Tengku Jaafar, ketika menyokong usul teraebut menegaskan betapa perlunya UMNO mempunyai sikap tegas terhadap ahli-ahli parti komponen.

Bellau meragui sikap setiakawan Barisan Nasional yang jelas mem-

bayangkan penyertaan parti-parti komponen Islam, Barisan Nasional hanya untuk 'survival' mereka semata-mata.

Bellau juga mendesak Kerajaan memerhatikan keadaan orang-orang Melayu di kawasan-kawasan bandar.

Tengku Aziz menarik perhatian bahawa walaupun orang Melayu menguasai politik negara, tetapi tidak berjaya menguasai ekonomi negeri sendiri.

Wakil Selangor, Encik Zakaria Haji Yahya, meminta Kementerian Pelajaran mengkaji semula kedudukan Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR) bagi membolehkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar B u m i p u t e r a memasukinya.

Bellau menekankan betapa perlunya langkah ini diambil bagi memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru Jerecapai. Bellau juga mengesyorkan diadakan

portfolio agama.

Wakil Negeri Sembilan, Shahanid Haji Hashim, mendesak Kerajaan meneliti perjalanan agensi-agensinya tidak ada pensyiwengan berlaku.

Bellau kecewa kerana ucapan dasar Presiden

tidak menyentuh Koperasi Bersatu.

Wakil Wanita, Cik Azizah Haji Taib, menyatakan Pergerakan teraebut menyokong penuh konvensyen peringkat negeri yang akan dilancarkan oleh UMNO.

No Siri 2129
No Penerimaan 305/82

JOHOR BAHRU, Sabtu— Dua pemimpin tan ahair akan menerima anugerah 'Bintang Belia Berjasa' (3B) pada hari perayaan besar-besaran Jubli Perak Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) tiga hari, mulai 14 Julai ini, di Batu Pahat.

Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Jubli Perak MBNJ, Dato Salleh Tahir, memberitahu, satu sidang akhbar di sini hari ini.

"Kedua pemimpin yang akan menerima bintang itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat sendiri."

Katanya, penganugerahan 'Bintang Belia Berjasa' MBNJ ini kali pertama kepada mereka yang telah berjasa kepada negara.

"Kali pertama ini kita telah bersetuju memberikannya kepada Dato Seri Dr. Mahathir dan Tan Sri Haji Othman Saat sendiri," katanya.

Bellau menambah, di masa akan datang bintang seumpama ini akan terus diberikan kepada mereka yang pernah membuat jasa kepada negara.

Dato Salleh berkata, kedua pemimpin yang kanan menerima bintang ini adalah pemimpin-pemimpin yang berjasa kepada negara.

Penganugerahan bintang seperti ini, katanya, akan menggalakan para belia khususnya untuk berusaha menyemai jasa bakti mereka kepada negara.

Dato Salleh juga memberitahu, semasa perayaan Jubli Perak ini berlangsung kelak, belia semua kaum akan menghadiri kuliah subuh, setiap hari.

"Kuliah subuh ini bukan saja untuk orang-orang Islam, tapi juga

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia